

**SOALAN NO. : 049**

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN JAWAB LISAN**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIM (SEPUTEH)**

**TARIKH : 31 JULAI 2017 (ISNIN)**

**SOALAN :**

Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah Kementerian akan menjalankan kajian penganalisan yang mendalam terhadap kawasan yang telah digunakan untuk perlombongan emas yang menggunakan cyanide oleh Raub Australian Gold Mining Sdn. Bhd. Apakah langkah yang akan diambil oleh Kementerian untuk memastikan air yang tercemar oleh cyanide ini tidak akan disebar ke kawasan lain.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak syarikat Raub Australian Gold Mining Sdn. Bhd (RAGM) yang menjalankan operasi perlombongan emas bertanggungjawab untuk mematuhi syarat-syarat yang diluluskan di dalam Skim Pengendalian Melombong di bawah Akta Pembangunan Mineral 1994. Syarikat hendaklah melaksanakan perkara-perkara yang berikut;

- (a) Mengamalkan sistem air "pusing balik";
- (b) Effluen yang keluar dari kawasan lombong, jika ada, hendaklah mematuhi standard yang ditetapkan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Akta Alam Sekeliling (Kumbahan Dan Efluen-effluen Perindustrian)1979 iaitu;
  - (i) Kandungan kelodak (pepejal terampai) hendaklah tidak melebihi 50mg per liter;
  - (ii) *Total cyanide* hendaklah tidak melebihi 0.1 mg per liter; dan
  - (iii) *Arsenic* hendaklah tidak melebihi 0.1 mg per liter.

Selain itu, pihak pelombong juga dikehendaki untuk menjalankan pemantauan effluen sekurang-kurangnya setiap 2 hari sekali di 3 lokasi di saliran yang ditetapkan di dalam dan di luar kawasan lombong bagi menentukan tahap kandungan kelodak, cyanide, arsenic dan pH dalam effluen.

RAGM mengunapakai teknologi *Carbon-in-leach* (CIL) yang menggunakan *dilute sodium cyanide* (350mg/l) yang biasa digunakan oleh Negara maju

yang lain seperti Australia. Loji RAGM ini dibina oleh sebuah syarikat dari Afrika Selatan yang mempunyai pengalaman dan bertaraf antarabangsa. Penggunaan *cyanide* di lombong ini adalah secara litar tertutup iaitu ianya akan digunakan semula. Air lebih yang akan disalirkan dari loji ke kawasan takungan hampas mengandungi 80 *part per million* (ppm) atau 80 *mg per liter cyanide*. Kandungan *cyanide* dalam kolam hampas ini akan makin berkurangan apabila terdedah kepada cahaya matahari. Kawasan hampas yang digunakan adalah di bawah paras bumi dan tiada air limpahan akan keluar kerana air ini akan digunakan semula.

Sekian, terima kasih.